

Jayakan agenda Melayu

"UMNO memerlukan kepakaran orang Melayu daripada pelbagai pihak untuk membantu membawa perubahan kepada bangsa Melayu

- Najib Tun Razak

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI

KUALA LUMPUR 1 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, UMNO memerlukan penyertaan menyeluruh cendekiawan Melayu bagi menjayakan agenda bangsa yang diterajui parti itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, cendekiawan Melayu tidak boleh mengasingkan diri dalam agenda itu.

Beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO sebaliknya berkata, mereka perlu turut serta bersama-sama UMNO dan menyumbang bagi menjayakan agenda Melayu,

"UMNO memerlukan kepakaran orang Melayu daripada pelbagai pihak untuk membantu membawa perubahan kepada bangsa Melayu," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah sempena pertandingan Golf Amal Malaysia 2006 bagi merebut Piala Perdana Menteri, di Kuala Lumpur Golf & Country Club, di sini hari ini.

Pertandingan itu dianjurkan oleh Pertubuhan Alumni Kelab-Kelab UMNO Luar Negara (PAKULN).

Katanya, dalam konteks perjuangan orang Melayu hari ini, UMNO memerlukan penyertaan menyeluruh cendekiawan Melayu bagi berbincang dan membuat sesuatu bagaimana untuk memajukan orang Melayu.

"Kita perlukan kepakaran orang Melayu bukan untuk menjadi kumpulan pendesak tetapi memberi input dan menjadi perancang serta mengadakan percambahan pemikiran bagi membantu kerajaan membuat dasar yang dapat memberi manfaat kepada orang Melayu," katanya.

Sehubungan itu, kata Najib, UMNO menyambut baik peranan dan sumbangan PAKULN menganjurkan program-program atas dasar menjayakan agenda Melayu.

"Program seperti 'Coffee Corner' anjuran alumni itu merupakan langkah berguna dan dapat meningkatkan kesedaran orang Melayu," katanya.

NAJIB Tun Razak sempat bergurau semasa sesi bergambar dengan peserta Golf Piala Perdana Menteri di Kuala Lumpur Golf & Country Club, semalam.

